

KOMUNITI SEMPADAN BA'KELALAN: ANTARA IDENTITI NASIONAL DAN IDENTITI BUDAYA¹

*(BORDER COMMUNITY OF BA'KELALAN: NATIONAL IDENTITY
VS CULTURAL IDENTITY)*

Yusten Karulus

Universiti Malaysia Sabah (yusten_10@yahoo.com)

Maine Suadik

Universiti Malaysia Sabah (yusten_10@yahoo.com)

Abstract

Border communities, particularly in Southeast Asia have a similar identity before the formation of the modern nation state. The Treaty of Westphalia 1648 has separates nation state to various national identity (Chandler, 2003). With the establishment of national borders, collectives' identity among some ethnic groups has been divided into different national identity related to their nationalities. Based on these arguments, this paper discusses the tendency of identity among the border community of Ba'kelalan, Lawas in Sarawak. Ba'kelalan is located about four kilometers from the international border of Malaysia-Indonesia on the Malaysian side. The interaction among Lun Bawang or Lun Dayeh in Ba'kelalan, Malaysia and Long Bawan, Indonesia has been going on before the border formation in this area. The close cultural and historical ties between people on both sides of the border are one of the main reasons for the intense cross-border social and economic interactions. A general phenomenon and the dynamics of political identity have been used to examine the dominant factors of national and cultural identity in the context of cross border relations. Research has been done by using ethnographic approach to the 32 informants.² Findings show that cross border interaction in Ba'kelalan is conspicuously about maintaining their cultural identity. Specifically, the identity of being Lun Bawang as an ethnic group is more important than being Indonesian Lun Dayeh or Malaysian Lun Bawang. However, from the phenomenon of national identity, it shows that the sense of belonging among the Lun Bawang in Ba'kelalan is located on the Malaysian side - of being Malaysian Lun Bawang.³

Keywords: Sempadan, Komuniti Sempadan, Identiti Nasional, Identiti Budaya, *Sense of Belonging*

Pengenalan

Masyarakat di Borneo telah wujud sebelum pembentukan sempadan antarabangsa yang telah membahagikan kepulauan ini kepada tiga negara yakni Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam.⁴ Dalam konteks negara Malaysia, sempadan nasional wujud kesan daripada pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Kewujudan sempadan telah mengubah kehidupan komuniti sempadan terutamanya daripada aspek hubungan sosial, ekonomi dan politik. Pembentukan sempadan nasional menyebabkan hubungan dalam kalangan masyarakat di persempadanan menjadi lebih luas (Robert Pallitto & Josiah Heyman, 2008). Ia melangkaui sempadan nasional yakni hubungan yang terbina antara masyarakat di dua buah negara yang berbeza dalam aspek-aspek tertentu seperti sistem pemerintahan, perundangan dan tahap pembangunan. Oleh itu, dengan adanya sempadan, kehidupan bermasyarakat dalam komuniti sempadan tidak hanya terhad kepada interaksi dengan masyarakat di dalam negaranya sahaja tetapi turut melibatkan interaksi dan ikatan sosial yang merentasi sempadan walaupun ia adalah sempadan antarabangsa.

Dalam konteks penulisan ini, interaksi dan ikatan sosial wujud dalam kalangan komuniti Ba'kelalan dengan masyarakat di sebelah sempadannya iaitu komuniti Long Bawan, Kalimantan Timur (Kaltim), Indonesia. Pada dasarnya interaksi ini adalah disebabkan oleh persamaan secara majoriti dalam identiti masyarakat di kedua-dua belah sempadan khususnya dari segi kaum, agama, bahasa dan budaya. Persamaan ini jelas berdasarkan kenyataan bahawa kedua-dua komuniti ini mempunyai ikatan kekeluargaan yang rapat. Interaksi dan ikatan sosial ini dihebatkan lagi dengan wujudnya hubungan ekonomi yang melibatkan usaha penduduk untuk mendapatkan keperluan harian mereka di kawasan sebelah sempadan (I Ketut Ardhana *et al.*, 2004). Malah segelintir masyarakat dari Long Bawan juga melintasi sempadan untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Ini berdasarkan kenyataan Encik Tadam⁵ bahawa, terdapat dalam kalangan penduduk Long Bawan yang mendapatkan rawatan kesihatan di klinik Ba'kelalan. Interaksi masyarakat di sempadan Sarawak iaitu di kawasan Tanah Tinggi Kelabit dan Kaltim memperlihatkan kepentingan dalam aspek pendidikan menyebabkan masyarakat Kaltim ingin bersekolah di Tanah Tinggi Kelabit (Matthew H. Amster, 2005). Justeru, pada tahap ini sama ada suka atau tidak, interaksi akan tetap berlaku kerana ianya melibatkan *survival* atau kelangsungan sesebuah masyarakat. Hal inilah yang sedang terjadi dalam komuniti sempadan di Ba'kelalan.

Memandangkan kewujudan sempadan telah membawa perubahan kepada kehidupan komuniti sempadan, kertas kerja ini akan melihat apakah kesan pembentukan sempadan kepada hubungan sedia ada dalam komuniti sempadan di Ba'kelalan? Bagaimanakah sempadan mempengaruhi kedinamikan identiti komuniti Ba'kelalan? Persoalan ini akan dijawab dengan melihat fenomena-fenomena identiti politik yang terdapat dalam komuniti sempadan di Ba'kelalan sama ada identiti yang diterajui oleh mereka menonjol dari segi budaya ataupun nasional. Penelitian terhadap identiti politik penting untuk mendedahkan kecenderungan sikap politik komuniti ini.

Fenomena dan Identiti Politik Komuniti Ba'kelalan

Identiti politik adalah pengecaman sesebuah identiti berdasarkan orientasi politik mereka (Richard T. Ford, 2005). Persoalan identiti politik dan identifikasi politik adalah usaha untuk mencari jawapan kepada pertanyaan, “*Who am I?*” (Tom Bryder, 2005; James D. Fearon, 1999). Jawapan kepada pertanyaan ini merujuk kepada elemen-elemen daripada perspektif politik seperti wilayah, bahasa, pemikiran, budaya dan sejarah. Elemen-elemen seperti bandar, wilayah, bangsa, benua dan sebagainya boleh mempengaruhi sikap warganegara dan tingkah laku politik masyarakat (Michael Bruter,). Kertas kerja ini telah mengupas tentang pengecaman identiti masyarakat Ba'kelalan berdasarkan orientasi politik mereka iaitu merangkumi aspek-aspek identiti berdasarkan elemen politik yang merangkumi bangsa, sejarah, budaya, bahasa, agama dan gender sebagaimana yang dinyatakan oleh Bryder dan Bruter.

Gambar 1: Wanita Lun Bawang Ba'kelalan memakai sebahagian kostum tradisional masyarakat mereka



Sumber: Yusten Karulus, 2009

Kaum merupakan salah satu elemen yang penting dalam identiti politik sesebuah komuniti. Di Ba'kelalan, sebahagian besar daripada masyarakatnya terdiri daripada kaum Lun Bawang. Ini bermakna Lun Bawang merupakan identiti utama bagi masyarakat di Ba'kelalan. Gambar 1 merupakan rakaman fotografi kaum wanita Lun Bawang di Ba'kelalan. Dianggarkan hanya satu peratus sahaja

penduduk Ba'kelalan berketurunan Cina iaitu mereka yang telah berkahwin dengan penduduk tempatan dan terus menetap di Ba'kelalan. Seramai 25 orang daripada informan adalah penduduk asal Ba'kelalan, empat orang dari kawasan sekitar bandar Lawas, dua orang dari Kaltim dan seorang dari Long Semadoh, Lawas. Hubungan umur dengan jangka masa menetap di Ba'kelalan seperti dalam Jadual 1 menunjukkan semua informan yang berasal dari tempat lain telah menetap di kawasan ini lebih daripada 30 tahun.

Jadual 1: Hubungan umur dan jangka masa menetap di Ba'kelalan (N=32)

Umur (tahun)	Jangka masa menetap (tahun)						Jumlah
	30th ke bawah	30th - 40th	41th - 50th	51th - 60th	61th - 70th	70th ke atas	
30th ke bawah	3	0	0	0	0	0	3
30th - 40th	0	5	0	0	0	0	5
41th - 50th	0	2	6	0	0	0	8
51th - 60th	0	2	2	3	0	0	7
61th - 70th	0	1	0	1	5	0	7
70th ke atas	0	0	0	0	0	2	2
Jumlah	3	10	8	4	5	2	32

Sumber: Yusten Karulus, 2009

Dari segi sejarah, masyarakat Lun Bawang telah menduduki kawasan Ba'kelalan sejak zaman penjajahan yakni sebelum terbentuknya sempadan antara negara Malaysia dan Indonesia. Pembentukan sempadan telah memisahkan masyarakat Lun Bawang kepada dua negara. Walaupun berbeza negara, mereka masih menganggap diri mereka sama kerana mereka masih kuat dipengaruhi oleh identiti budaya malah mereka juga mempunyai hubungan persaudaraan yang rapat. Mereka sering berkomunikasi merentas sempadan dengan tujuan untuk melawat saudara mara, menghadiri majlis perkahwinan dan kematian, melibatkan diri dalam upacara keagamaan dan mencari pekerjaan sementara (I Ketut Ardhana *et al.*, 2004). Ikatan persaudaraan menyebabkan kewujudan sempadan bukanlah menjadi satu masalah bagi masyarakat Lun Bawang di kedua-dua buah negara untuk meneruskan hubungan kekeluargaan di antara mereka. Menurut Encik Salutan⁶, sama ada penduduk Ba'kelalan atau Seberang⁷, kedua-duanya merasa dimiliki negara masing-masing. Walau bagaimanapun, mereka tidak akan mencederakan kaum sendiri kerana bagi mereka kedua-dua masyarakat memiliki identiti kaum yang sama. Semasa era penjajahan misalnya, walaupun komuniti Ba'kelalan berkerja dengan Brooke dan komuniti Seberang berkerja untuk Belanda, kedua-dua komuniti saling tidak memusuhi kerana mereka masih menganggap masyarakat mereka wujud sebagai satu komuniti Lun Bawang besar yang tidak terpisah oleh sempadan sebagaimana sebelum pembentukan sempadan nasional.

Budaya yang dipraktikkan dalam keluarga adalah kebiasaan umum kaum Lun Bawang sama ada mereka adalah penduduk Malaysia mahupun Indonesia.

Hubungan kekeluargaan yang rapat menyebabkan keluarga suami mahupun isteri akan sentiasa berinteraksi melalui aktiviti gotong-royong terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan pekerjaan tanpa mengira jarak tempat tinggal antara kedua-dua buah keluarga (I Ketut Ardhana *et al.*, 2004). Sebagai contoh, apabila tiba musim menuai padi, keluarga isteri akan membantu keluarga suami dan begitu juga sebaliknya tanpa mengira jarak kampung mahupun berlainan negara. Menurut salah seorang informan iaitu Encik Rining yang telah berkahwin dengan penduduk Seberang, keluarga isteri beliau yang berasal dari Kampung Long Midang⁸, Kaltim akan membantu keluarganya ketika musim menuai di Ba'kelalan dan hal sebaliknya juga dilakukan apabila tiba musim menuai di Long Midang.

Dalam tradisi keluarga masyarakat Lun Bawang, kelahiran anak akan disambut oleh ibu kepada anak perempuan. Oleh itu, ibu kepada isteri akan tinggal bersama keluarga anaknya untuk menjaga bayi dan menguruskan kerja-kerja rumah walaupun anaknya berkahwin dengan penduduk dari seberang sempadan. Perkahwinan yang merentasi sempadan juga turut menekankan aspek tersebut kerana mereka berkongsi budaya yang sama walaupun terpaksa melalui jarak yang jauh. Ini menyebabkan wujudnya interaksi yang berterusan dan hubungan yang rapat dalam kalangan masyarakat Lun Bawang yang tinggal di negara yang berlainan.

Hubungan kekeluargaan juga merupakan faktor yang penting bagi merapatkan lagi hubungan komuniti di dua kawasan bersempadan. Selain mempunyai hubungan kekeluargaan seperti adik-beradik dan sepupu, hubungan kekeluargaan yang rapat dalam komuniti di sempadan nasional juga dibentuk melalui perkahwinan. Terdapat sekurang-kurangnya 45 perkahwinan merentasi sempadan di kawasan ini pada tahun 2004 yang mana 35 orang lelaki telah berkahwin dengan wanita di kawasan Seberang manakala 10 wanita Ba'kelalan pula telah berkahwin dengan lelaki di Seberang (I Ketut Ardhana *et al.*, 2004). Kebiasaannya, isteri akan mengikut suami tanpa mengira dari mana asal suaminya. Ini bermakna isteri akan mengikut suami walaupun suami berasal dari negara yang berlainan. Fenomena ini menjadikan ikatan sosial yang terbentuk sebelum adanya sempadan yang memisahkan kedua-dua kawasan tersebut terus terpelihara.

Dari segi bahasa, masyarakat di Ba'kelalan tanpa mengira usia menjadikan bahasa Lun Bawang sebagai identiti mereka. Bahasa ibunda ini menjadi bahasa pertuturan harian masyarakat di kawasan ini. Bahasa Lun Bawang juga digunakan ketika berkomunikasi dengan orang luar yang tahu berbahasa Lun Bawang. Ia turut menjadi bahasa perantaraan penduduk Ba'kelalan dengan masyarakat Lun Bawang dari Long Bawan selain menjadi bahasa utama bagi institusi gereja. Bahasa Malaysia hanya digunakan ketika berkomunikasi dengan masyarakat lain yang tidak tahu menuturkan bahasa Lun Bawang. Bagi menjamin agar bahasa tradisi ini tidak dilupakan oleh generasi muda, kanak-kanak turut dipraktikkan dengan bahasa ini sejak kecil. Walau bagaimanapun, dalam institusi pendidikan, penggunaan bahasa Lun Bawang sebagai bahasa pertuturan utama tidak digalakkan sebaliknya Bahasa Inggeris menjadi keutamaan seiring dengan penggunaan Bahasa Malaysia.

Jadual 2: Kemahiran bahasa pertuturan (N=32)

Kemahiran bahasa*	Bilangan
Lun Bawang	32
Bahasa Malaysia	30
Bahasa Inggeris	14
Bahasa Indonesia	8
Iban	2
Murut Tagal	1

*Lebih daripada satu jawapan

Sumber: Yusten Karulus, 2009

Jadual 2 menunjukkan kemahiran bahasa yang dimiliki oleh informan khususnya dari segi pertuturan. Keseluruhan 32 orang informan boleh berbahasa Lun Bawang dengan baik. Seramai 30 orang daripada mereka boleh menuturkan Bahasa Malaysia dan 14 orang boleh memahami dan dapat berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris. Namun, sesetengah daripada mereka hanya mampu menggunakan perkataan-perkataan yang mudah dalam Bahasa Inggeris. Ke kerapannya interaksi di antara penduduk Ba'kelalan dengan masyarakat Lun Bawang di Kaltim meningkatkan kemahiran penduduk untuk sekurang-kurangnya memahami Bahasa Indonesia yang dianggap mereka tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan Bahasa Malaysia. Oleh itu, seramai lapan orang informan boleh berkomunikasi menggunakan Bahasa Indonesia. Disebabkan oleh pemahaman bahasa yang agak fleksibel dalam masyarakat di kedua-dua kawasan, tidak timbul kekangan dari segi bahasa untuk menjamin kelangsungan hubungan.

Dari segi agama, masyarakat di Ba'kelalan secara majoritinya menganut agama Kristian Sidang Injil Borneo (SIB) (Sarawak Development Institute, 2001). Pihak penjajah dan mubaligh Kristian merupakan antara agen yang menyebabkan perubahan sosial masyarakat daripada pelbagai penjuru kehidupan (Paul Porodong, 1999). Encik Paran⁹ menyatakan bahawa kehadiran mubaligh Kristian pada sekitar tahun 1949 merupakan titik mula pembangunan masyarakat di kawasan Ba'kelalan. Menurut beliau, sebelum ini Ba'kelalan sangat berbeza dengan keadaan pada masa kini. Ketika *Christian and Missionary Alliance (Missionary)* masuk ke Ba'kelalan, mereka terpaksa berjalan kaki dari Lawas kerana ketiadaan jalan raya. Perjalanan ini memakan masa selama dua minggu. Disebabkan masalah ini, pihak *missionary* mengambil inisiatif menyediakan kapal terbang untuk memudahkan tugas-tugas penyebaran agama Kristian. Bertitik tolak daripada usaha tersebut, Ba'kelalan mula dibangunkan.

Hubungan baik dengan orang di luar kawasan masih kekal sehingga ke hari ini bukan sahaja disebabkan oleh hubungan yang telah lama terpelihara melalui institusi agama tetapi juga dikukuhkan oleh perkahwinan dan hubungan rasmi penduduk Ba'kelalan yang pernah menuntut di luar negara selain disebabkan oleh aktiviti pelancongan. Menurut Encik Tadam, hubungan baik ini khususnya dengan beberapa orang dari negara Australia memberi peluang kepada penduduk kampung mengetahui tentang kepentingan mikro hidro. Percubaan

pertama menjana tenaga elektrik menggunakan mikro hidro telah berjaya melalui bekalan elektrik yang disalurkan di *Apple Lodge*¹⁰. Pada tahun 2008, komuniti Ba'kelalan sedang dalam usaha mengaplikasikan sepenuhnya teknologi mikro hidro di keseluruhan kawasan. Mikro hidro yang digunakan di Ba'kelalan diimport dari Australia melalui kenalan penduduk menerusi gereja.

Dapatan kajian menunjukkan meskipun menganut agama Kristian SIB, penduduk Ba'kelalan menerima baik kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia dan mereka menghormati masyarakat luar yang menganut agama lain. Layanan baik daripada masyarakat di Ba'kelalan terhadap orang dari luar kawasan mereka dianggap informan sebagai antara lain menyebabkan kehadiran pelawat dan pelancong secara berterusan yang akhirnya membawa kepada idea pembinaan rumah penginapan yang dinamakan *Apple Lodge* di kawasan ini. Menurut salah seorang informan iaitu Encik Mungah, semua orang harus dihormati. Tentera-tentera di Ba'kelalan mesti dihormati walaupun mereka menganut agama yang berlainan kerana menurut beliau, semua orang ini adalah utusan Tuhan.

Gambar 2: Gereja Sidang Injil Borneo, Ba'kelalan, Lawas, Sarawak



Sumber: Yusten Karulus, 2009

Faktor keagamaan ini juga menjadikan hubungan baik di antara komuniti sempadan negara Malaysia dengan Indonesia terus terpelihara. Dapatan menunjukkan, pada masa-masa tertentu lawatan gereja dari Long Bawan dilakukan di Ba'kelalan dan begitu juga keadaan sebaliknya. Meskipun agama yang mereka anuti adalah sama, namun nama gereja menjadikan ia mempunyai identiti yang berbeza. Gereja SIB di Malaysia dikenali sebagai Gereja Khemah Injil dalam kalangan komuniti sempadan di Indonesia. Gambar 2 adalah Gereja SIB di

Ba'kelalan manakala Gereja Khemah Injil di Long Midang, Kaltim dirakamkan dalam Gambar 3.

Penelitian tentang gender sebagai identiti masyarakat Ba'kelalan mendapati bahawa kaum lelaki adalah kuasa tertinggi yang diyakini oleh masyarakat untuk menerajui kepimpinan dalam institusi sama ada di peringkat keluarga, gereja mahupun kampung. Masyarakat Ba'kelalan memiliki ciri-ciri parokial yang mana masyarakat ini cenderung untuk mengikut saranan ketua mereka. Menurut Encik Salutan setelah pembentukan sempadan, masyarakat Ba'kelalan dicorakkan dengan sistem pentadbiran yang teratur sebagaimana kampung-kampung lain yang terdapat di Malaysia.

Corak pentadbiran yang lebih sistematik ini turut ditemukan di dalam institusi gereja mahupun di peringkat keluarga penduduk Ba'kelalan pada hari ini. Dari segi pentadbiran misalnya, setiap kampung di Ba'kelalan ditadbir oleh Ketua Kampung dan seorang Penghulu bagi keseluruhan kawasan Ba'kelalan.¹¹

Gambar 3: Gereja Khemah Injil, Long Midang, Kalimantan Timur



Sumber: Yusten Karulus, 2009

Atas cadangan daripada penduduk kampung, kerajaan melantik Ketua Kampung secara rasmi. Temu bual mendapati, Ketua Kampung di Ba'kelalan dipilih oleh penduduk berdasarkan pengetahuan dan penglibatan mereka dalam bidang politik. Sokongan penduduk terhadap kerajaan Barisan Nasional di dalam menerajui kepimpinan negara Malaysia antaranya dapat diperhatikan melalui pengibaran bendera Barisan Nasional dan poster parti tersebut yang ditampal di dinding-dinding rumah. Menurut salah seorang informan, masyarakat Ba'kelalan sememangnya menyokong kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun kalau boleh mereka mahu calon pilihan mereka diberi peluang untuk bertanding. Keinginan ini

tercapai apabila kawasan Dewan Undangan Negeri N70 Ba'kelalan selepas Pilihan Raya Umum 2008 diwakili oleh Yang Berhormat (YB) Nelson Balang Rining yang merupakan anak jati Ba'kelalan. Sebelum ini mereka juga diwakili oleh mendiang YB Datuk Dr. Judson Sakai Tagal yang juga merupakan penduduk Ba'kelalan. Ini menunjukkan kewujudan sempadan memberikan kesedaran kepada komuniti ini untuk mempunyai pengaruh politik yang membolehkan kewujudan mereka disedari dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.

Pemilihan Ketua Kampung di Ba'kelalan juga antara lain dilakukan dengan mengambil kira pengaruh seseorang calon. Pengaruh yang dimaksudkan oleh penduduk ialah kebolehan calon tersebut untuk menggalakkan masyarakat kampung bekerjasama melaksanakan perancangan pembangunan di peringkat kampung. Hubungan yang baik dengan kerajaan dan rakyat, kebolehan memimpin dan tingkat pendidikan juga menjadi faktor pemilihan seseorang penduduk untuk dipilih sebagai Ketua Kampung. Asas pemilihan Ketua Kampung yang lain dapat dirujuk di dalam Jadual 3.

Jadual 3: Asas pemilihan Ketua Kampung (N=32)

Asas pemilihan*	Bilangan
Orang yang terlibat dengan politik	17
Berpengaruh	9
Mempunyai hubungan yang baik dengan rakyat dan kerajaan	8
Mempunyai kebolehan memimpin	5
Orang yang berpendidikan dan boleh berkomunikasi dalam pelbagai bahasa	6
Orang yang berada	1

*Lebih daripada satu jawapan

Sumber: Yusten Karulus, 2009

Jadual 4: Kekerapan merentas sempadan mengikut jantina (N=32)

Jantina	Kadar kekerapan merentasi sempadan		
	Kerap	Jarang	Jumlah
Lelaki	10	17	27
Perempuan	2	3	5
Jumlah	12	20	32

Sumber: Yusten Karulus, 2009

Dalam institusi keluarga pula, suami menjadi ketua isirumah bagi kebanyakan keluarga. Wanita hanya menjadi ketua isirumah jika tiada lelaki dewasa di dalam sesebuah keluarga. Di peringkat kampung pula, daripada

sembilan buah kampung yang diiktiraf oleh kerajaan di kawasan ini, semua Ketua Kampung yang dipilih adalah dari kalangan kaum lelaki. Keadaan ini juga dipraktikkan di dalam institusi gereja. Ini menjadikan banyak perkara perlu dirujuk kepada kaum lelaki termasuk isu yang berkaitan dengan sempadan. Sebagaimana dalam Jadual 4, data menunjukkan penglibatan penduduk dalam aktiviti merentas sempadan kebanyakannya melibatkan golongan lelaki. Kesukaran laluan berbukit sepanjang lebih kurang empat kilometer menjadi antara penyebab utama kurangnya penglibatan golongan wanita merentas sempadan ke Kaltim.

Jadual 5: Pendapat informan mengenai kesukaran merentasi sempadan mengikut kadar kekerapan mereka merentas sempadan (N=32)

Pendapat	Kekerapan merentasi sempadan		
	Selalu	Jarang	Jumlah
Mudah sahaja	9	12	21
Mudah jika tidak membawa barangan	3	8	11
Jumlah	12	20	32

Sumber: Yusten Karulus, 2009

Pembentukan sempadan turut menjana satu bentuk aktiviti ekonomi baru dalam masyarakat di sempadan. Jika dahulu, penduduk hanya berjalan kaki atau menaiki kerbau tetapi pada masa kini, mereka juga menggunakan perkhidmatan *ojek*¹² untuk merentasi sempadan. Ini adalah lantaran daripada peraturan yang ketat untuk memberikan kebenaran menggunakan kerbau atau binatang lain untuk merentas sempadan. Menurut salah seorang informan iaitu Encik Buso¹³, binatang dilarang melintasi sempadan negara untuk tujuan keselamatan iaitu bagi mengelakkan penyebaran penyakit tumbuhan dan ternakan ke dalam negara. Malah, bukan kerbau sahaja yang menjadi larangan tetapi juga benih tumbuhan. Merujuk kepada Jadual 5, seramai 21 orang informan berpendapat mereka tidak menghadapi sebarang masalah dan kesukaran untuk berulang alik merentasi sempadan. Manakala 11 orang yang lain berpendapat aktiviti merentas sempadan ini lebih mudah dilakukan jika penduduk tidak membawa barangan. Namun, lazimnya pergerakan penduduk merentasi sempadan bertujuan untuk membeli barangan seperti garam bukit dan beras.

Selain keadaan jalan dan laluan yang sukar, kadar kekerapan merentas sempadan yang rendah ini juga disebabkan oleh bayaran tambang menggunakan perkhidmatan *ojek* yang mahal iaitu antara RM80.00 hingga RM100.00 pergi balik hanya untuk ke Long Midang iaitu perkampungan di kawasan Kaltim yang terdekat dengan sempadan Malaysia-Indonesia. Gambar 4 menunjukkan seorang lelaki yang menawarkan khidmat *ojek* sedang membawa barangan menggunakan motosikal merentasi sempadan Malaysia-Indonesia. Bayaran untuk *ojek* akan meningkat bergantung kepada pertambahan jarak perjalanan dan keadaan jalan.

Pembentukan sempadan menyebabkan kawasan di persempadanan diawasi dengan lebih cekap dan efisien oleh pihak ketenteraan kedua-dua negara. Pergerakan penduduk merentas sempadan akan didaftarkan oleh pihak tentera. Setakat tahun 2008, pergerakan merentasi sempadan tidak memerlukan pasport antarabangsa. Menurut Encik Paran dan Encik Langub, hubungan antara komuniti adalah baik dan selamat. Walau bagaimanapun, lawatan pengkaji ke kawasan persempadanan mendapati, meskipun tidak terdapat kawalan imigresen, pergerakan keluar masuk merentasi sempadan pada tahun 2008 agak ketat oleh pihak tentera.

Penduduk Ba'kelalan yang ingin ke negara Indonesia perlu memberikan nama dan nombor kad pengenalan kepada pihak tentera di pos Angkatan Tentera Malaysia. Kemudiannya satu memo akan dikeluarkan oleh pihak tentera Malaysia untuk diserahkan kepada pos Tentera Nasional Indonesia (TNI) agar memberikan keizinan kepada penduduk Malaysia di Ba'kelalan masuk ke negara mereka. Proses yang sama juga perlu dilakukan oleh penduduk Indonesia yang ingin masuk ke Ba'kelalan. Bayaran RM5.00 akan dikenakan ke atas setiap individu yang berjalan kaki atau bagi sebuah motosikal. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat kawalan keselamatan di kawasan persempadanan Ba'kelalan masih perlu ditingkatkan jika ketegangan antara masyarakat sempadan kedua-dua negara berlaku (Yusten Karulus, 2008). Namun, prosedur pendaftaran yang diamalkan semasa kajian dibuat sangat penting dalam konteks menjaga keselamatan individu kerana menurut penduduk kampung, sesiapa yang didapati telah mendaftar diri di pos keselamatan tetapi tidak kembali memasuki negara seperti yang dijanjikan, pihak tentera akan bertanggungjawab untuk mencari mereka. Oleh itu, rekod perjalanan merentas sempadan adalah amat penting dalam konteks ini.

Gambar 4: Perkhidmatan *ojek* oleh penduduk kampung



Sumber: Yusten Karulus, 2009

Menurut Encik Paran, sebelum pembentukan sempadan, penduduk Ba'kelalan bebas melakukan kunjungan ke mana-mana kawasan tanpa apa-apa sekatan. Setelah sempadan diwujudkan, penduduk semakin kurang melakukan pergerakan merentas sempadan melainkan mempunyai tujuan yang penting dan jelas. Dapatan menunjukkan tujuan utama penduduk merentasi sempadan adalah untuk melawat keluarga dan saudara mara. Memandangkan komuniti sempadan di kedua-dua kawasan telah menetap di kawasan ini sebelum pembentukan sempadan, maka komuniti sempadan di kawasan ini seperti yang telah nyata sebelum ini kebanyakannya mempunyai pertalian persaudaraan. Hubungan kekeluargaan ini tetap diteruskan walaupun telah dipisahkan oleh faktor kewarganegaraan melalui pembentukan sempadan.

Tuntutan ekonomi dan keperluan yang semakin mendesak terhadap barangan harian mendorong wujudnya hubungan yang berterusan antara masyarakat walaupun setelah wujudnya sempadan. Aktiviti urus niaga dan pembelian barang-barang keperluan terus berlaku. Perbezaan mata wang tidak menghalang penduduk daripada menjalankan urus niaga walaupun mereka mengakui menghadapi kesulitan untuk membuat pengiraan pertukaran mata wang. Namun, terdapat sesetengah penduduk tidak kisah untuk menggunakan kedua-dua jenis mata wang iaitu Ringgit Malaysia (RM) dan Rupiah. Lima orang informan menyatakan bahawa mereka sering kali membeli barang keperluan di kawasan Kaltim. Antara keperluan yang dimaksudkan ialah seperti kerbau, beras, garam bukit dan sayur-sayuran. Mereka membelinya di kawasan tersebut kerana harganya lebih murah terutama apabila mereka sendiri datang ke tapak penjualan. Jadual 6 menunjukkan senarai tujuan informan merentas sempadan Malaysia-Indonesia.

Jadual 6: Tujuan informan merentas sempadan (N=32)

Tujuan*	Bilangan
Melawat keluarga dan saudara mara	25
Berurus niaga	6
Membeli barang keperluan	5
Menyertai aktiviti sembahyang	5
Berjalan-jalan	4
Mendapatkan perkhidmatan	2
Mesyuarat masyarakat Lun Bawang	2

*Lebih daripada satu jawapan

Sumber: Yusten Karulus, 2009

Walaupun kaum wanita mempunyai keterbatasan yang tinggi dari segi penglibatan dalam aktiviti merentas sempadan, namun kesemua penduduk Ba'kelalan sama ada lelaki atau wanita mempunyai kepekaan yang tinggi berhubung dengan kewujudan dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan sempadan. Kesemua 32 orang informan yang ditemu bual menyatakan pendapat yang sama bahawa kewujudan sempadan di antara Malaysia dan Indonesia

sememangnya penting bagi masyarakat di Ba'kelalan. Seramai 25 orang informan di dalam Jadual 7 berpendapat, sempadan penting untuk tujuan keselamatan dan menunjukkan kawasan tadbiran negara Malaysia dan Indonesia. Empat orang informan menganggap sempadan sebagai berperanan untuk menjaga tanah dan sumber agar tidak diganggu oleh orang luar dan sebagai kawalan keluar masuk penduduk dan pendatang asing. Manakala lima orang lagi tidak mempunyai sebarang komen berkenaan peranan sempadan di antara Malaysia dan Indonesia. Mereka yang menjawab tidak tahu ini ialah dalam kalangan mereka yang merasakan bahawa kewujudan sempadan tidak membawa apa-apa perubahan kepada keadaan sedia ada kerana mereka tetap berinteraksi merentasi sempadan seperti sebelum pembentukan sempadan.

Jadual 7: Pendapat informan berkenaan peranan sempadan Malaysia-Indonesia (N=32)

Peranan*	Bilangan
Keselamatan	16
Menunjukkan kawasan tadbiran	9
Supaya tiada perebutan tanah dan tidak ganggu sumber masing-masing	2
Mengawal rakyat daripada keluar dan masuk sesuka hati	1
Mengawal kemasukan pendatang asing	1
Tidak tahu	5

*Lebih daripada satu jawapan

Sumber: Yusten Karulus, 2009

Data menunjukkan 18 orang informan berpendapat penguatkuasaan peraturan untuk merentas sempadan perlu diperketat lagi. Manakala 14 orang yang lain merasakan peraturan seperti yang ada sekarang sudah memadai untuk memastikan tahap keselamatan penduduk Ba'kelalan sentiasa dalam keadaan terjamin. Rata-rata mereka yang meyakini akan keselamatan penduduk Ba'kelalan pada masa kini menggambarkan bahawa mereka merasakan pertalian persaudaraan akan menghalang komuniti sempadan di kedua-dua buah negara untuk melakukan tindakan yang boleh menimbulkan masalah dan salah faham kepada kedua-dua komuniti. Menurut Encik Buso, setakat ini belum pernah ada masalah yang serius berlaku antara masyarakat di kedua-dua belah sempadan. Ini kerana mereka yang berada di Seberang merupakan saudara mara bagi komuniti Ba'kelalan. Encik Tadam menambah bahawa kaum Lun Bawang sekarang sudah berbeza dengan Lun Bawang pada zaman dahulu yang suka minum arak dan kejam. Pengaruh agama Kristian telah mengubah kaum ini menjadi jauh lebih baik daripada sebelum ini. Mereka tidak lagi memusuhi kaum lain terutamanya saudara mara mereka.

Pembentukan sempadan menyebabkan masyarakat di persempadanan beridentitikan oleh status kewarganegaraan negara masing-masing. Kegagalan mendapatkan rekod statistik rasmi berhubung status kewarganegaraan masyarakat Lun Bawang di Ba'kelalan menyebabkan tidak ada maklumat yang

jelas berhubung aspek ini secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, perbualan secara informal dengan informan mendapati majoriti penduduk Ba'kelalan adalah warganegara Malaysia. Sebahagian kecil penduduk berstatus penduduk tetap. Seramai enam orang daripada informan berasal dari luar kawasan berhijrah kerana berkahwin dengan masyarakat di Ba'kelalan. Mereka yang mempunyai status penduduk tetap antaranya terdiri daripada mereka yang berasal dari Kaltim dan menetap di Ba'kelalan kerana berkahwin dengan penduduk tempatan atau menghadapi masalah kerana lewat menguruskan kad pengenalan. Ternyata faktor perkahwinan merupakan salah satu sebab wujudnya hubungan yang erat di antara penduduk Ba'kelalan dengan komuniti sempadan di Kaltim. Menurut Encik Buso, hubungan komuniti Ba'kelalan dengan komuniti Seberang yang rapat bukan sahaja disebabkan hubungan persaudaraan tetapi juga melalui perkahwinan.

Kesimpulan

Berdasarkan fenomena-fenomena identiti politik yang berlaku dalam hubungan masyarakat di sempadan Ba'kelalan-Kaltim, jelas bahawa kewujudan sempadan tidak mengubah perspektif masyarakat terhadap hubungan kekeluargaan dan persamaan kaum antara satu sama lain. Namun, dari segi politik dan nasionalnya, kedua-dua komuniti tetap sedar bahawa mereka berada di negara yang berlainan. Mereka tahu batasan-batasan hubungan yang disebabkan oleh perbezaan negara. Justeru, di dalam komuniti Lun Bawang di Ba'kelalan, identiti budaya mereka adalah lebih tertonjol berbanding identiti nasional. Ini dapat dikesan melalui hubungan dalam masyarakat sempadan antara Ba'kelalan dan Long Bawan, Kaltim yang lebih dicorakkan oleh aspek kebudayaan mereka berbanding identiti nasional yakni identiti etnik Lun Bawang adalah lebih penting daripada menjadi Lun Bawang Malaysia atau Lun Dayeh Indonesia. Namun dari segi fenomena identiti nasional, *sense of belonging* masyarakat Ba'kelalan adalah condong terhadap negara Malaysia sebagai Lun Bawang Malaysia. Keadaan ini mempunyai persamaan dengan kajian terhadap masyarakat Bantul, Sabah yang menunjukkan bahawa persamaan kaum telah membawa kepada penonjolan identiti budaya dalam masyarakat Murut Bantul berbanding identiti nasional mereka (Zaini Othman, 2008).

Nota hujung

¹ Kertas kerja telah dibentangkan dalam *Konferensi Antarauniversiti Se Borneo-Kalimantan Ke 5, Transformasi Sosial di Borneo-Kalimantan: Pengalaman Modernisasi*, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 16-17 Jun 2009.

² Jumlah 32 orang informan ini dipilih dalam kalangan ketua isirumah Ba'kelalan yang mewakili anggaran 65 buah isirumah yang terdapat di Kampung Buduk Nur dan Kampung Long Langai iaitu merupakan dua buah kampung besar dan terletak paling hampir dengan sempadan. Kampung Buduk Nur merupakan pusat pentadbiran Ba'kelalan kerana semua kemudahan dan pejabat-pejabat yang berkaitan dengan kerajaan terdapat di situ misalnya lapangan terbang, klinik, pejabat *Up-River Agents* (URA), bangunan Pejabat Pertanian dan Veterinar, Pos Tentera, Pejabat Polis, telefon awam, Perpustakaan Desa yang mempunyai kemudahan internet, mikro hidro dan hotel persendirian manakala sekolah rendah pula terletak di Kampung Long Langai. Pemilihan informan dari kalangan ketua isirumah adalah disebabkan komuniti ini menonjol dengan budaya politik yang masih bersifat parokial. Keputusan dan pendirian mereka cenderung berdasarkan saranan dan keputusan pemimpin mereka. Data dalam kertas kerja ini adalah berasaskan kerja lapangan yang telah dilakukan pada tahun 2008.

³ Kaum Lun Bawang merupakan kaum yang sama dengan kaum Lun Dayeh atau Lundayeh. Di Sarawak dan Brunei Darussalam, mereka dikenali sebagai Lun Bawang. Di Indonesia mereka dikenali sebagai Lun Dayeh manakala di Sabah pula mereka dikenali sebagai Lundayeh.

⁴ Pembentukan sempadan yang memisahkan Malaysia dan Indonesia telah diasaskan melalui perjanjian dan konvensyen-konvensyen iaitu pertama, Konvensyen Persempadanan yang ditandatangani di London pada 20 Jun 1891. Kedua, Perjanjian Persempadanan yang ditandatangani di London pada 28 September 1915 dan ketiga, Konvensyen Persempadanan yang ditandatangani di The Hague pada 26 Mac 1928. Lihat, Kntayya Mariappan (2006).

⁵ Beliau merupakan penduduk Ba'kelalan yang mempunyai banyak pengetahuan dan data mengenai Lun Bawang dan Ba'kelalan. Beliau bertugas sebagai Guru Besar di SK. Ba'kelalan dan selalu menjadi penceramah jemputan khususnya berkenaan topik Ba'kelalan dan Lun Bawang. Menurut beliau, masyarakat Lun Bawang di situ wujud seawal kira-kira tahun 1500. Ini bermakna kewujudan masyarakat Ba'kelalan adalah sebelum pembentukan Malaysia dan sebelum negara mencapai kemerdekaan. Sebagai bukti, beliau yang dilahirkan pada tahun 1956 di Ba'kelalan merupakan generasi keenam masyarakat Lun Bawang Ba'kelalan. Ini jelas menunjukkan bahawa Ba'kelalan telah wujud sejak lama dahulu apatah lagi jika mengambilkira kewujudan masyarakat generasi pertama di kawasan tersebut. Beliau juga menyatakan bahawa terdapatnya perkahwinan campur antara penduduk di kedua-dua belah sempadan menyebabkan pengaruh kekeluargaan yang rapat ini menggiatkan lagi interaksi masyarakat yang merentasi sempadan.

⁶ Beliau merupakan Penghulu Ba'kelalan yang telah menyandang jawatan tersebut selama 16 tahun. Beliau juga menyandang jawatan sebagai Kapten bagi Angkatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA). Selain itu, beliau adalah bekas pegawai tentera berpangkat Leftenan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Menurut beliau, hubungan sesama Lun Bawang yang merentasi sempadan ini adalah baik. Ini terbukti apabila tidak pernah berlakunya sesuatu konflik yang besar di antara mereka. Malah ketegangan antara negara tidak menjejaskan hubungan kerana mereka lebih mementingkan *survival*. Kebanyakan konflik yang berlaku adalah berkaitan hal-hal seperti ternakan, tanah, pembayaran upah dan harga barang yang mana konflik ini boleh diselesaikan secara aman melalui gereja.

⁷ Seberang merujuk kepada kawasan sebelah sempadan Ba'kelalan iaitu Long Bawan.

⁸ Long Midang merupakan salah sebuah kampung yang terdapat di Long Bawan.

⁹ Beliau merupakan penduduk berpengaruh di Ba'kelalan yang mempunyai banyak pengetahuan tentang Ba'kelalan dan Lun Bawang. Beliau juga pernah berkerja dengan *Missionary* iaitu pertubuhan yang telah membawa ajaran agama Kristian SIB di Ba'kelalan di samping pernah menjadi Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Sarawak. Beliau pernah dijemput ke Universiti Oxford oleh seorang pengkaji di universiti tersebut sebagai *key informan* dalam kajian mengenai kaum Lun Bawang. Beliau berpendapat bahawa sekiranya sempadan negara tidak wujud di kawasan Ba'kelalan, besar kemungkinan kawasan Lun Bawang Kaltim adalah sebahagian dari Ba'kelalan. Ini kerana dari segi geografi, tidak terdapat jalan darat yang menghubungkan masyarakat Seberang dengan bandar Tarakan, Indonesia (bandar yang paling hampir dengan masyarakat Seberang) sedangkan interaksi melalui jalan darat dengan Ba'kelalan adalah sangat kerap dan mengambil masa selama 45 minit sahaja dengan menggunakan motosikal. Tambah beliau lagi, jika sempadan dibentuk dengan mengambil kira faktor etnik Lun Bawang, sudah tentu komuniti Seberang menjadi sebahagian daripada Ba'kelalan.

¹⁰ Rumah penginapan utama di kawasan Ba'kelalan.

¹¹ Penghulu merupakan kuasa tertinggi di Ba'kelalan.

¹² Perkhidmatan *ojek* merupakan satu-satunya pengangkutan yang boleh digunakan untuk merentasi sempadan selain dengan cara berjalan kaki.

¹³ Bukan nama sebenar.

References

- Amster, Matthew H. "The Rhetoric of the State: Dependency and Control in a Malaysian-Indonesian Borderland." *Identities: Global Studies in Culture and Power*. **12**. (2005), 23-43.
- Ardhana, I Ketut, Langub, Jayl & Chew, Daniel. "Borders of Kinship and Ethnicity: Cross-Border Relations between the Kelalan Valley, Sarawak and the Bawan Valley, East Kalimantan." *Borneo Research Bulletin*. **35**. (2004), 144-179.
- Bruter, Michael. *Political Identity and European Election*. (Tidak Diterbitkan).
- Bryder, Tom. "European Political Identity: An Attempt at Conceptual Clarification." *Psicología Política*. **31**. (2005), 37-57.
- Chandler, David. *A History of Cambodia: Politics, War and Revolution Since 1945*. Bangkok: Silkworm Books. 2003.
- Fearon, James D. *What is Identity (As we now use the word)?*. Draf Kertas Kerja. (3 November 1999).
- Ford, Richard T. "Political Identity as Identity Politics." *Journal of Unbound*. **53** (1). (2005), 53-57.
- Karulus, Yusten. "Komuniti Sempadan dan Persoalan Keselamatan: Kajian Kes di Ba'kelalan." (Tesis Sarjana, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 2009).
- Karulus, Yusten. "Identiti Politik dan Keselamatan: Tinjauan Awal di Ba'kelalan, Sarawak." *Kertas Kerja dibentangkan di Borneo Research Council 9th Biennial International Conference: Borneo on the Move – Continuity and Change*. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu. (29-31 Julai 2008).

-
- Mariappan, Kntayya. "Sempadan Antarabangsa dalam Kehidupan Komuniti Persempadanan di Sabah." *Kertas Kerja dibentangkan di Bengkel Kajian Persempadanan di Negeri Sabah*. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur. (6-7 November 2006).
- Pallitto, Robert & Heyman, Josiah. "Theorizing Cross-Border Mobility: Surveillance, Security and Identity." *Surveillance & Society*. 5 (3). (2008), 315-333.
- Porodong, Paul. "Perubahan Sosial Masyarakat Rungus Pada Zaman Kolonial." *Manusia dan Masyarakat*. 11. (1999), 135-159.
- Sarawak Development Institute. *Socio-economic Survey of Long Semadoh Rural Growth Centre (RGC)*. (November 2001).
- Zaini Othman. "Nasionalisme dan Persoalan Identiti Politik di Sempadan: Kajian Kes Komuniti Murut Bantul, Daerah Nabawan, Sabah." *Sosiohumanika: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 1 (1). (2008), 141-166.

Temubual

- Buso (Bukan nama sebenar). 65 tahun. Penduduk Ba'kelalan yang aktif merentasi sempadan. 30 Mac 2008.
- Langub, Jayl. 60 tahun. Pengkaji yang banyak mengkaji dan menulis tentang Ba'kelalan dan Lun Bawang. 12 Mei 2008.
- Mungah. 70 tahun. Penduduk Ba'kelalan yang mempunyai pengetahuan tentang Ba'kelalan. 30 Mac 2008.
- Paran, Tagal. 76 tahun. Penduduk yang berpengaruh dan mempunyai banyak pengetahuan tentang Ba'kelalan. 23 Mac 2008.
- Rining, Ngilo. 70 tahun. Penduduk Ba'kelalan yang telah berkahwin dengan penduduk Long Midang. 30 Mac 2008.
- Salutan, George Sigar. 61 tahun. Penghulu Ba'kelalan, Lawas, Sarawak. 28 Mac 2008.
- Tadam, Pudun. 52 tahun. Guru Besar SK. Ba'kelalan. 26 Mac 2008.